

Perpustakaan digital ubah wajah Butterworth

BUTTERWORTH: Kewujudan Perpustakaan Digital Butterworth (BDL) berkonsepkan ‘Perpustakaan Dalam Bandar’ dijangka mengubah landskap bandar ini ke arah hab pendidikan digital masa depan.

Ketua Menteri, Chow Kon Yeow berkata, dengan menggunakan infrastruktur bertenologi tinggi serta mesra pengguna, BDL yang dibangunkan dengan kos RM6.6 juta mampu menjadikan Butterworth sebagai Daerah Perniagaan Berpusat (CDB) di Seberang Perai ketika ini.

“Pembangunan BDL memberikan signifikasi tersendiri dalam meletakkan Pulau Pinang sebagai bandar raya model ke arah pengukuhan mobiliti, penyambungan serta infrastruktur digital selaras Visi Pulau Pinang 2030: Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara,” katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas merasmikan perpustakaan itu di Kampung Lebuh Benggali di sini semalam.

BDL dibangunkan secara us-



PERPUSTAKAAN Digital Butterworth (BDL) yang dibina dengan kos kira-kira RM6.6 juta merupakan perpustakaan digital pertama di Seberang Perai dan yang keempat keseluruhannya di Pulau Pinang.

aha sama perkongsian awam-swasta (PPP) antara kerajaan negeri menerusi Perbadanan Ketua Menteri (CMI) sebagai pemilik projek, Think City Sdn. Bhd. (rakan strategik) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), pemilik bangunan.

Projek melibatkan banggu-

nan setinggi tiga tingkat itu bermula April tahun lepas dan siap sepenuhnya awal tahun ini.

Pembangunan itu juga menjadikan BDL sebagai perpustakaan digital keempat di Pulau Pinang selepas Perpustakaan Digital Pulau Pinang Fasa 1 dan 2 (PDL1 dan PDL2)

serta Perpustakaan Digital Batu Maung yang terletak di sebelah pulau.

Dianggarkan 14,000 orang mengunjungi BDL sejak dibuka kepada umum 15 Julai lalu hingga 30 September lepas walaupun dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemuliharan (PKPP).